

02 APR 2000

NAJIB DAPAT PENCALONAN PADU DARIPADA UMNO PERAK

IPOH, 2 April (Bernama) -- Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak mendapat pencalonan padu mempertahankan jawatan naib presiden pada pemilihan parti Mei ini daripada 23 bahagian Umno Perak.

Kesemua bahagian Umno negeri itu selesai mengadakan mesyuarat perwakilan masing-masing dengan Kuala Kangsar dan Bukit Gantang merupakan bahagian terakhir mengadakan mesyuarat hari ini.

Kesemua 23 bahagian itu turut mencalonkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk jawatan presiden dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk timbalan presiden.

Pencalonan kedua terbanyak bagi jawatan naib presiden daripada Perak ialah untuk Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman (12) diikuti dengan Menteri Besar Selangor Datuk Abu Hassan Omar (6), Menteri Besar Negeri Sembilan Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad (6), Ketua Menteri Sabah Datuk Osu Sukam (5) dan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Tan Sri Muhyiddin Yassin (5).

Yang turut dicalonkan ialah Menteri Luar Datuk Syed Hamid Albar (3), penyandang jawatan Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib (3), Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Rais Yatim (3), Menteri Besar Perak Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali (2) dan Tengku Razaleigh Hamzah (1).

Bagi jawatan anggota Majlis Tertinggi, sejumlah 73 orang dicalonkan termasuk lima calon wanita untuk merebut 25 kerusi yang dipertandingkan.

Lima calon wanita itu ialah Datuk Shahrizat Jalil (14 pencalonan), Datuk Maznah Hamid (11), Raja Ropiah Raja Abdullah (5), Dr Noreshah Mohamad (2) dan Datin Paduka Zaleha Ismail (1).

-- BERNAMA
HK RON